

19/11/1998

Tumpuan ke Cyberjaya

DENGAN memakai baju batik berwarna-warni, ketua-ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bertumpu ke Cyberjaya bagi mencapai rumusan sidang kemuncak untuk mencari penyelesaian, terutama menangani krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia sekarang.

Ternyata keadaan tegang yang dirasakan beberapa pemimpin Apec sejak beberapa hari lalu, lenyap seketika apabila menyaksikan suasana damai di Cyberview Lodge, pusat peranginan yang terletak di tengah-tengah ladang kelapa sawit.

Pemimpin lelaki berbaju batik yang dilaporkan berharga RM500 setiap satu, manakala Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley, memakai kebaya berbunga biru, lengkap dengan selendang.

Selain Datuk Seri Dr Mahathir dan Shipley, pemimpin Apec lain yang hadir ialah Perdana Menteri Australia, Johd Howard; Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien; Presiden Chile, Eduardo Frei; Presiden China, Jiang Zhemin; Ketua Eksekutif SAR Hong Kong, Tung Chee Hwa; Presiden Indonesia, B J Habibie; Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei.

Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi; Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung; Presiden Mexico, Ernesto Zedillo; Perdana Menteri Papua New Guinea, Bill Skate; Presiden Filipina, Joseph Estrada; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; wakil Taiwan, Dr Chiang Pin-Kung; Perdana Menteri Thai, Chuan Leekpai; Naib Presiden Amerika Syarikat, Al-Gore.

Sidang turut disertai tiga pemimpin yang juga ahli baru Apec iaitu Presiden Peru, Alberto Fujimori; Perdana Menteri Russia, Yevgeny Primakov; dan Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai.

(END)